

## ANALISIS PERAYAAN THAI PONGAL MENURUT PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali<sup>1</sup>

### Abstrak

Sabtu tahun, masyarakat Muslim menghadapi dilema dalam meraikan sambutan perayaan rakan bukan Muslim sehingga menimbulkan polemik dan salah faham. Terdapat pandangan yang mengizinkan sambutan dan wujud juga pandangan yang keras melarang sehingga menjatuhkan hukuman haram. Persoalan sedemikian meninggalkan kesan yang kurang sihat dalam hubungan antara umat beragama khususnya dalam konteks Malaysia yang merupakan negara multi agama, multi etnik, budaya dan bahasa. Mutakhir ini terdapat fenomena baru khususnya di sekolah yang telah mengadakan majlis sambutan Thai Pongal yang melibatkan ramai pelajar Muslim bersama meraikan perayaan tersebut. Situasi ini menimbulkan persoalan sama ada harus atau haram ikut serta dalam sambutan sedemikian. Persoalan sama ada perayaan tersebut adalah berbentuk budaya semata atau perayaan keagamaan berlegar dalam ruang minda para guru, ibubapa yang prihatin mengenai perihal itu sehingga mengheret perbincangan di peringkat Kementerian Pelajaran berkaitan isu ini. Ini memerlukan penjelasan ilmiah agar perihal ini dapat diurus dengan baik dan sekaligus hubungan antara umat beragama yang sedia terjalin terus utuh dan kekal harmoni. Perbincangan dalam artikel ini membahaskan secara akademik prinsip yang mengharuskan dan menghalang sambutan perayaan merujuk kepada aspek akidah, syariat dan akhlak. Perbincangan ini mendapati keharusan meraikan sesuatu perayaan bukan Muslim selagi ia tidak berunsurkan akidah, syariat dan akhlak. Pun begitu, perkara utama dalam hujah ketidakharusan sambutan adalah berkaitan aspek ikut serta meraikan, bertindak dan berkelakuan seumpama pengikut bukan Muslim dan penyerupaan yang tidak dapat dibezaikan antara Muslim dan bukan Muslim. Kita tidak nafikan bahawa Islam amat menyantuni setiap insan atas dasar kemanusiaan tanpa mengira agama, etnik, darjah dan bangsa. Namun ia wajar sejarah dengan prinsip ajaran Islam.

**Kata kunci:** Thai Pongal, pemikiran Islam, hubungan antara agama

---

<sup>1</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: ijamh@um.edu.my.

## ***AN ANALYSIS OF THAI PONGAL CELEBRATION FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC THOUGHT***

### ***Abstract***

*In this contemporary age, the Muslim community faces a dilemma in celebrating the festivities of non-Muslim friends, causing controversies and misunderstandings. There are views that allow for response and there are also convictions that strictly prohibited such actions, emerge the need to impose severe punishments. Such questions leave an unhealthy impression in the relationship between people of faith, especially in the context of Malaysia, which is a multi-religious, multi-ethnic, multi-cultural and linguistic country. Recently, there is a new phenomenon, especially in schools that have held Thai Pongal celebrations that involve many Muslim students jointly to celebrate the festival. This situation raises the question of whether it is imperative or supererogatory to participate in such a celebration. The inquiry of whether the festival is purely cultural or a religious festival hovers in the minds of teachers, and parents who are concerned about the subject to the point of dragging discussions at the Ministry of Education level on this issue. This requires a scientific explanation thus this matter can be managed well and concurrently, the relationship between the people of faith which has re already been established continues to be intact and remains harmonious. This article discusses academically the principles that require and prevent festive celebrations referring to aspects of faith, shariah and akhlaq. This discussion also finds the urgency to celebrate a non-Muslim festival bearing in mind that it is not based on faith, shariah and akhlaq. Even so, the main thing in the argument of the necessity of celebration is related to the aspects of participation, and behaving like non-Muslims and the incomparable resemblance between Muslims and non-Muslims. We do not deny that Islam is compassionate to every human being regardless of religion, ethnicity, rank and race. Nonetheless, it should be in line with the principles of Islamic teachings.*

***Keywords:*** *Thai Pongal, Islamic thought, inter-religious relations*

### **Pendahuluan**

Malaysia merupakan sebuah negara pelbagai bangsa dan multi-agama. Pun begitu, Islam dominan dari aspek politik mahupun budaya.<sup>2</sup> Kepelbagaian ini dirujuk kepada kelainan etnik, bahasa, budaya mahupun agama. Setiap etnik mempunyai kepercayaan

---

<sup>2</sup> Fred R. von Der Mehden, “Malaysia: Islam and Multi Ethnic Politics”, dalam *Islam in Asia: Religion, Politics and Society*, ed. John L. Esposito (New York: Oxford University Press, 1987), 177.

dan pegangan agama tersendiri. Bertitik tolak daripada unsur keragaman ini, usaha saling mengenali (*al-ta’ārif*) perlu dipupuk bagi meningkatkan tahap sensitiviti antara satu sama lain dan dalam masa yang sama syiar Islam dapat diteguhkan. Terdapat beberapa amalan dalam budaya etnik lain yang telah turut dikongsi bersama masyarakat majmuk Malaysia. Justeru, ini adalah antara isu yang perlu kepada penelitian hukum yang sewajarnya kerana niat yang murni sahaja tidak cukup untuk menghalalkan sesuatu amalan dalam masyarakat. Ini kerana pandangan syarak perlu diambil kira bagi mengabsahkan sesuatu kepercayaan dan amalan biarpun ia menjadi kebiasaan sesetengah masyarakat. Antaranya adalah sambutan perayaan *Thai Pongal* yang telah mulai turut disertai oleh sebilangan kecil kalangan masyarakat Muslim Malaysia dan mencetuskan polemik.

### **Kepentingan Perayaan Penganut Ajaran Hindu**

Hampir setiap bulan, masyarakat India di Malaysia menyambut beraneka perayaan dan sekaligus memperlihatkan kepentingan sambutannya yang bukan hanya memberi peluang berkumpul dan bertemu mesra dan memarakkan lagi perpaduan dan persaudaraan sesama penganut agama Hindu tetapi lebih daripada maksud tersebut. Perayaan amat penting dalam kalangan masyarakat ajaran Hindu kerana ia merupakan peluang para penganut menyertai aktiviti keagamaan dan sekaligus memperkuuhkan ‘kepercayaan keagamaan’ mereka. Perayaan juga dipercayai mendorong masyarakat penganut ajaran Hindu mengingati tuhan bagi membuang sifat kejahilan dan menguatkan sifat-sifat murni. Ia merupakan proses pembentukan ‘insan mulia’ berasaskan lunas agama dan ajaran Hindu.<sup>3</sup>

Pada hari perayaan turut memperlihatkan kegiatan kebajikan seperti menderma, memberi makanan, pakaian dan kewangan kepada individu penganut yang memerlukan. Selain itu, sebelum perayaan, aktiviti puasa turut dilakukan sebagai proses penyucian untuk meraih ketenangan jiwa, pengukuhan kepercayaan para penganut dan untuk tujuan kesihatan.

---

<sup>3</sup> M. Rajenthaler dan S. Manimaran, *Perayaan Orang India* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1994), 5; dan rujuk juga Siti Rahmah Idris dan Fatimah Az-Zahra, *Orang India* (Petaling Jaya: Penerbit Pinang, 1996).

Perayaan dalam kalangan masyarakat penganut ajaran Hindu sering dikaitkan dengan mitologi agama. Justeru, setiap perayaan turut menampilkan kisah-kisah mitologi dan falsafah agama. Kisah tersebut turut dimanifestasikan melalui penyampaian ceramah, drama, nyanyian dan tarian ketika satu-satu perayaan disambut bagi menanam kesedaran dan mengukuhkan keyakinan para penganut dan sekaligus memarakkan lagi kebudayaan masyarakat India.

Tuntasnya, setiap perayaan penganut ajaran Hindu memberi pemaknaan, simbolik kepercayaan dan falsafah berkaitan agama dan budaya.

Terdapat beraneka perayaan utama diraikan oleh penganut ajaran Hindu di Malaysia dan antaranya yang terbesar adalah perayaan *Deepavali*, *Thaipusam*, *Thai Pongal*, *Navarattiri*, *Maha Sivarattiri*, *Kaartigai Tiibam*, *Vinayagar Chaturtti*, *Aadippuram*, *Pangguni Uttiram*, *Tamil*, *Ugadi*, *Onam*, *Vaikaasi Visaagam*, *Sri Rama Navami*, *Tamilar Vila* dan beberapa lagi perayaan lain yang turut disambut termasuk perayaan masyarakat Sikh.

Penulisan ini merencami perayaan *Thai Pongal* yang turut menjadi fenomena sejak kebelakangan ini dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia yang telah turut bersama meraikannya. Persoalannya sejauhmana batas dan keharusan meraikan perayaan ini yang sering dikaitkan sebagai perayaan berbentuk budaya. Adakah benar ia berbentuk budaya?

### **Perayaan *Thai Pongal***

*Pongal* merupakan perayaan atau pesta menuai yang disambut selama empat hari pada bulan *Thai* di dalam kalendar masyarakat India dan diraikan secara meluas oleh masyarakat Tamil di negeri Tamil Nadu, Sri Lanka dan di beberapa tempat yang didiami oleh ramai masyarakat Tamil. *Pongal* dalam bahasa Tamil bererti ‘melimpah-ruah’ atau ‘meruap’. Masakan ‘nasi manis yang dimasak dengan susu’ yang meruap dan melimpah keluar daripada belanga tanah liat melambangkan kekayaan harta benda bagi penganut ajaran Hindu. *Thai Pongal*, dirayakan sempena berakhirnya musim menuai dan secara tradisi bertujuan ‘berterima kasih’ dan mempersembahkan hasil tuaian kepada ‘*Suriabhangawan*’ atau Dewa Matahari atas ‘kurniaan’ membantu menghasilkan kekayaan harta benda melalui tanaman dan

ternakan.<sup>4</sup> Soal perlambangan yang bertujuankan kepercayaan tertentu seumpama ini perlu diberi perhatian dalam analisis seterusnya nanti.

Walaupun masyarakat India Malaysia tidak terlibat dengan tanaman padi dan ternakan secara langsung, namun perayaan ini disambut sebagai tradisi tetapi tetap berbentuk ‘kesyukuran’ kepada Dewa Matahari khususnya bagi masyarakat Malayalam yang menyambut hari pertama *Thai Pongal* yang dirujuk sebagai *Bhogipongal* dan bagi mereka ia merupakan perayaan berbentuk keagamaan kerana mengabadikan tuaian pertama kepada Dewa ‘*Surya Magalya*’.<sup>5</sup>

*Pongal* disambut pada hari pertama bulan *Thai*. Bulan *Thai* merupakan bulan ke-10 di dalam kalendar masyarakat India. Bulan ini disambut dengan hadiah dan pakaian baru bagi ahli keluarga serta ‘doa’ kepada dewa untuk kemakmuran di tahun-tahun mendatang. Bulan *Thai* juga sangat sesuai untuk perkahwinan.

Ungkapan ‘*Thai Pirantal Vali Pirakkum*’ bermaksud ‘permulaan *Thai* membuka peluang baru dan penyelesaian untuk pelbagai masalah dan urusan’ sering diucap ketika meraikan *Thaipongal*. Ini kerana, bagi masyarakat tani India awal, padi ditanam sekali setahun. Hasil tuaian merupakan pendapatan setahun yang perlu dirancang dan dibelanjakan dengan teliti dan bijak. Justeru, pesta ini dianggap bermakna kepada masyarakat tani India dan juga sebagai hari ‘kesyukuran’ kepada Dewa Surya dan Dewa Indra. Perayaan ini lazimnya dirayakan sekitar 13 Januari-15 Januari menurut perkiraan ‘takwim’ Tamil.

Perayaan ini menandakan permulaan bulan *Thai* Tamil yang menandakan permulaan *Uttarayana*; iaitu mewakili pergerakan matahari ke utara. Perayaan ini disambut selama empat hari berturut-turut dan dikenali sebagai *Bhogipongal*, *Suriapongal*, *Maattupongal* dan *Kaanuponngal* merupakan acara terbesar selepas sambutan Deepavali dan Thaipusam. Jika di India, perayaan ini disambut lebih meriah daripada Deepavali selama seminggu. Di Malaysia, sambutan perayaan ini turut tidak kurang hebatnya.

<sup>4</sup> Siti Rahmah Idris dan Fatimah Az-Zahra, *Orang India*, 23.

<sup>5</sup> Siti Rahmah Idris dan Fatimah Az-Zahra, *Orang India*, 22 & 102.

Menurut ‘kalender’ Hindu; setahun dibahagikan kepada dua bahagian iaitu separuh tahun pertama (15 Januari-15 Julai) yang dikenali sebagai ‘*Uttarayanna*’ dan separuh tahun kedua (18 Julai-14 Januari) yang dikenali sebagai ‘*Dakshinayanam*’. Masyarakat pengikut ajaran Hindu mempercayai ketika *Uttarayanna*. Matahari bergerak dari selatan ke utara dan pergerakan ini dipercayai memberi tuah. Hari pertama pergerakan ini dirujuk sebagai ‘*Makara Sankrati*’ iaitu permulaan sambutan *Thai Pongal*. Manakala *Bhogipongal* disambut pada hari terakhir *Dakshinayanam* iaitu hari terakhir matahari berada di selatan. Justeru sampah sarap dan segala kekotoran dibersihkan dan rumah dicat baru dan membawa kemeriahinan sambutan. Selain itu, rumah-rumah turut dihiasi dengan daun mangga dan lantai dihiasi dengan *kolam* beraneka corak yang dilukis menggunakan tepung beras atau beras berwarna. Terdapat masyarakat India yang mengikat batang tebu di luar rumah mereka sebagai menandakan perayaan *Pongal*.<sup>6</sup>

Dalam konteks perbincangan di sini seterusnya, elemen kepercayaan seperti ‘kesyukuran’ dan ‘doa’ yang telah dinyatakan di atas merupakan unsur yang perlu diberi perhatian khusus. Bagi tujuan itu, untuk memahami simbolik dan falsafah di sebalik perayaan *Thai Pongal*, penulisan ini menelusuri empat hari dalam sambutan perayaan *Pongal* seperti berikut:

### ***Bhogipongal***

Pada hari pertama perayaan ini, *Bhogipongal* yang membawa maksud yang cukup signifikan menandakan permulaan penting dalam kehidupan masyarakat India. Seluruh rumah dibersihkan dan barang-barang lusuh dibuang dan dibakar bagi menyingkirkan perkara negatif dan anasir buruk. Masyarakat Tamil merujuknya sebagai pesta *Pookki* iaitu pesta pembuangan barang lama dan lusuh dan pembelian barang baru. Pembakaran barang lama ini mewujudkan unggul api yang menarik. Namun, praktikal ini kurang dilakukan di Malaysia.

*Bhogipongal* juga secara tidak langsung memberi penghormatan kepada Dewa Indra atau Dewa Langit dan sering dirujuk sebagai Dewa Hujan yang menyuburkan tanah selepas hampir setahun bercucuk tanam.

---

<sup>6</sup> Siti Rahmah Idris dan Fatimah Az-Zahra, *Orang India*, 22 & 102.

Penghormatan ini dikaitkan dengan mitologi India yang menjelaskan bahawa Dewa Vishnu ingin memberi didikan dan pengajaran kepada Dewa Indra yang semakin tamak. Justeru, ia menjelma sebagai Krishna dan bersama para penggembala melakukan upacara pengorbanan sebagai penghormatan kepada gunung Govardhana. Dewa Indra tidak berpuas hati lalu sentiasa menurunkan hujan untuk menghalang upacara tersebut. Dewa Krishna menyelamatkan para penggembala daripada ditimpa hujan dengan menjunjung gunung tersebut dan mereka dapat berteduh di bawah gunung yang luas dan tinggi. Dewa Indra menyedari bahawa Krishna adalah jelmaan Dewa Vishnu dan memohon keampunan. Dewa Vishnu mengampunkannya dan menyeru masyarakat penggembala menyambut *Bhogipongal* sebagai sembahana hormat kepada Dewa Indra.

Di sini, dapat diperhatikan bahawa di sebalik aktiviti perayaan tersebut, wujud suatu simbolisme kepercayaan keagamaan dan kedewaan tertentu, yang menafikan andaian kononnya ia hanya perayaan budaya.

### *Suryapongal (Suriapongal)*

Pada hari kedua, Surya Pongal disambut dengan meriah di rumah masing-masing. *Surya Pongal* memberi penghormatan kepada tenaga matahari dan bermulanya hari pertama bulan Thai dalam kalender Tamil. Seawal pukul 5 pagi, penganut agama Hindu di Malaysia, India dan di serata dunia membuat persiapan untuk memasak *Pongal* dalam periuk tanah liat. Kaum wanita yang sudah berkahwin dan anak dara akan bangun awal untuk membentuk ‘kolam’ menggunakan beras berwarna di halaman rumah. Pintu rumah diikat dengan tebu dan periuk tanah liat dihias dengan daun mangga, daun kunyit dan pewarna ‘kum kum’ bagi menceriakan lagi suasana.

Amalan ini amat simbolik terutamanya kepada golongan petani. Ia bukan sahaja merupakan hari pertama padi dituai tetapi beras yang dikumpul digunakan untuk memasak *Pongal* sehingga ia melimpah keluar. Perbuatan membiarkan masakan ini melimpah dikenali sebagai *Pongal* dalam bahasa Tamil. Limpahan *Pongal* bermaksud kehidupan yang serba baik. Ketika susu melimpah, ungkapan ‘*Pongalo Pongal, Pongalo Pongal, Pongalo Pongal*’ disebut sebanyak tiga kali oleh penganut agama Hindu yang

mengelilingi periuk tanah liat berhias yang digunakan untuk memasak susu itu.

*Pongal* yang melimpah juga membawa maksud bahawa hidup seseorang dilimpahi kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan. Susu ini kemudiannya dicampur dengan beras, gula merah, buah pelaga, badam, buah gajus, kismis dan minyak sapi sebelum disembahyangkan, disajikan kepada Dewa Suria dan diedarkan kepada para pengikut. Ramai para pengikut mengunjungi kuil untuk melakukan *pooja* istimewa (ritual sembahyan) sempena perayaan ini. *Pooja* di kuil atau di rumah ditentukan oleh Almanak Hindu.<sup>7</sup>

Sekali lagi, dapat diperhatikan bahawa di sebalik ritual perayaan tersebut, wujud suatu simbolisme kepercayaan keagamaan dan kedewaan tertentu, yang menafikan andaian kononnya ia hanya perayaan budaya.

### ***Mattu Pongal (Maadu Pongal)***

*Maadu* bermaksud lembu. Pada hari ketiga sambutan *Pongal* dikhatusukan kepada meraikan lembu. Lembu-lembu dimandikan, dibubuh kunyit pada tanduknya dan badan serta dikalungkan dengan bunga. *Pongal* yang dimasak juga disuapkan kepada lembu dan haiwan-haiwan ternakan lain seperti yang disaksikan di Kuil Sri Srinivasa. Lembu dianggap sebagai haiwan yang berjasa dan suci oleh para petani kerana membantu membajak tanah dan memberi susu yang berkhasiat.<sup>8</sup> Pada hari perayaan ini juga, haiwan-haiwan itu dibiarkan berehat.

Menurut tradisi lisan, lembu-lembu telah mengadu kepada tuhan bahawa manusia sentiasa menyeksa dan mempergunakan mereka tanpa belas kasihan. Tuhan ingin melihat keadaan sebenar dan tarikh tuhan turun ke bumi telah ditentukan. Manusia mendapat tahu perihal ini dan telah mengadakan perayaan khas melayani lembu-lembu dengan baik pada hari lawatan tuhan. Tuhan dapatti bahawa lembu-lembu dilayan dengan baik dan kembali ke alamnya. Tuhan mengulangi lawatan pada tempoh waktu yang sama setiap tahun. Justeru, lembu diraikan pada hari *Maatupongal*.

---

<sup>7</sup> Siti Rahmah Idris dan Fatimah Az-Zahra, *Orang India*, 27.

<sup>8</sup> Mr. Balakrishnan (Brahmin, Kuil Sri Srinivasa, Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 2019.

Lebih menonjol berbanding penjelasan sebelum ini, ritual ketiga ini menzahirkan bahawa di sebalik perayaan ini memang jelas wujud kepercayaan ketuhanan tertentu, dengan itu adalah tertolak sebarang sangkaan bahawa ia hanya sekadar budaya masyarakat India.

### ***Kanni Pongal (Kaanupongal)***

*Pongal* terakhir pada hari keempat ialah *Kaanum pongal* yang bermaksud mengunjungi. Pada hari perayaan ini, orang tua disantuni dan dikunjungi anak muda untuk mendapatkan restu. Pada hari ini juga pelbagai permainan diadakan bagi menonjolkan kehandalan anak muda. *Kaanum* turut membawa maksud ‘melihat’. Ketika anak muda mempamerkan kehandalan dan kehebatan dalam permainan; ia disaksikan oleh anak gadis (*Kanni*). Acara ini banyak diadakan suatu ketika dulu.

*Kanni* bermaksud anak dara dan seperti namanya, mereka yang sudah mencapai akil baligh digalakkan untuk memasak *Pongal* sama ada di rumah atau beramai-ramai di kuil. Anak dara ini mempamerkan kehebatan memasak dan berdoa agar ditemukan jodoh. *Kanni Pongal* juga secara tidak langsung menarik perhatian ibu bapa untuk mencari jodoh untuk anak-anak lelaki mereka.

Justeru, *Kaannupongal* lebih dikenali sebagai *Kannipongal* yang memperlihatkan kemahiran anak dara memasak *pongal* seperti yang dapat dilihat di Malaysia berbanding anak muda mempamerkan kehebatan dalam permainan.

Berasaskan penjelasan berhubung maksud perayaan *Thai Pongal* yang memperlihatkan bahawa simbolik dan falsafahnya merujuk kepada elemen penghormatan dan sembahana kepada Dewa dan dikaitkan dengan aspek kepercayaan agama.

Pun begitu, terdapat pandangan sesetengah pengikut Hindu sendiri yang mengakui bahawa dia hanya melihat perayaan ini sebagai perayaan budaya sahaja sepanjang hidupnya. Bahkan sememangnya beliau merayakan Pongal setiap tahun, tetapi tidak pernah merasai sebarang unsur kepercayaan keagamaan, ‘kesyukuran’ dan ‘doa’ kepada tuhan atau dewa, mahupun bentuk penghormatan atau sembahana spiritual tertentu dalam sebarang acara dan amalan dalam perayaan Pongal.<sup>9</sup> Mereka sekeluarga

---

<sup>9</sup> Mr X dan Mrs X (ahli perniagaan berjaya dalam bidang cari gali, di Seksyen 7, Shah Alam), dalam temu bual dengan penulis, 18 Julai 2020.

hanya memenuhi hajat ibu yang sentiasa mementingkan sambutan perayaan semata.

Selain itu, terdapat Mualaf Muslim yang asalnya adalah pengikut agama Hindu menegaskan bahawa beliau melihat bahawa perayaan Pongal adalah satu bentuk perayaan keceriaan yang meraikan golongan petani yang telah berpenat lelah mengerjakan sawah dan ladang. Kebarangkalian unsur sembahannya kepada dewa itu wujud tapi lebih ditonjolkan rasa kegembiraan dengan berkongsi rezeki hasil tanaman dengan masyarakat keliling sahaja.<sup>10</sup>

Berbeza pula pandangan seorang jiran India yang menegaskan bahawa perayaan Pongal ini amat penting dirai kerana ia merupakan hari khusus bagi setiap pengikut agama Hindu memberikan penghormatan kepada para dewa yang telah mengurniakan mereka ‘rezeki’ melalui kesuburan hasil tanaman. Perihal penghormatan ini wajar diraikan dalam satu bentuk perayaan keagamaan agar pengikut agama Hindu faham erti ‘bersyukur’ dan berterimakasih atas kebaikan dewa yang memberikan ‘rezeki’ untuk kelangsungan hidup mereka.<sup>11</sup>

Berdasarkan pandangan tersebut memperlihatkan wujudnya pengikut Hindu yang sekular dan tidak berpegang dengan kepercayaan agamanya, malah kemungkinan hanya berolok-olok dalam melaksanakan ritual agama atas hanya rasa hormat dan patuh kepada ibu dan agama anutannya semata. Ini bererti, kewujudan pengikut Hindu seumpama itu tidak termasuk dalam urusan sebuah pemerintahan Islam atau umat Muslim untuk campur tangan, sama ada beliau taat kepada agamanya atau sebaliknya. Ia bukan dalam bidang kuasa pemerintahan Islam dan masyarakat Muslim. Pun begitu, kita dapat lihat bahawa sekalipun wujud pengikut Hindu yang sekular dalam melaksanakan ritual agamanya, namun faktanya menegaskan bahawa beliau tidak sekali-kali menjadikan ritual keagamaan itu juga sekular, bebas nilai, suci daripada sebarang simbolisme kepercayaan keagamaan dan kefalsafahan tertentu terhadap tuhan dan dewa yang dianuti dalam agama tersebut. Malah, andai semua pengikut Hindu adalah

---

<sup>10</sup> Mr Y (Pensyarah Kanan di Kolej Universiti tempatan), dalam temu bual dengan penulis melalui aplikasi Google Meet, 19 Julai 2020.

<sup>11</sup> Lakshmi (pesara guru, di Seksyen 7, Shah Alam), dalam temu bual dengan penulis, 19 Julai 2020.

sekular, dan ia sesuatu yang tidak realistik, tetapi perayaan itu tetap kekal dengan simbolismenya yang menafikan sudut pandangan bahawa ia sekadar budaya.

Apatah lagi wujudnya penganut agama Hindu yang bertegas terhadap pentingnya sambutan Pongal sebagai satu bentuk penghormatan kepada para dewa yang memastikan kelangsungan hidup penganut Hindu.

Ini memperlihatkan bahawa masyarakat Muslim sewajarnya dilarang daripada menyambut perayaan ini sekalipun dengan hanya memasak *pongal*.

Apapun untuk lebih jelas lagi, larangan sambutan tersebut sewajarnya dikemukakan berteraskan persepsi pemikiran Islam agar setiap penganut Muslim lebih memahami asbab larangan tersebut.

### **Perbincangan Konsep Ikut Serta dalam Perayaan dan Kaitannya dengan Ayat *Lakum Dīnukum wa Liya Dīn***

Secara umum, terdapat dua persepsi berhubung hukum penganut Muslim menghadiri atau ikut serta perayaan penganut non-Muslim:

- a. Pandangan yang mengizinkan
- b. Pandangan yang tidak mengizinkan.

Dalam usaha merencami perkara keizinan meraikan sambutan perayaan bukan Muslim itu dilihat daripada beberapa asas yang melibatkan persekitaran masyarakat atau negara, konsep perayaan yang dirai dan perihal berkaitan cara sambutan perayaan.

Kita telusuri situasi masyarakat Muslim di negara non-Muslim yang minoriti hidup di bawah pemerintahan negara dan tertakluk kepada undang-undang negara tersebut. Sehubungan itu, pandangan yang diutarakan oleh seorang Muslim German kepada Mustafa al-Zama mengenai mengucapkan tahniah dan menghantar kad ucapan kepada penganut Kristian yang menyambut Krismas dinyatakan seperti berikut:

“Pada pandangan saya, mengucapkan tahniah atau hari Krismas kepada kenalan Kristian yang merayakan hari kelahiran Jesus Christ adalah termasuk bab kesantunan (*mujamalah*) dalam pergaulan. Islam tidak melarang kita daripada berbuat baik seumpama ini terhadap mereka apatah lagi Jesus Christ yang dirujuk sebagai Nabi Isa dalam ajaran

Islam merupakan salah seorang rasul dan termasuk dalam golongan *Ulū al-‘Azmī*. Baginda juga dimuliakan dalam Islam, tetapi penganut Kristian terlalu berlebihan dalam mengagungkan Jesus dan meyakininya sebagai tuhan. Menurutnya lagi, individu yang terkeliru sehingga menyatakan bahawa haram menyambut hari kelahiran Jesus kerana mengaitkannya dengan keyakinan ajaran Kristian yang mengangkat ketuhanan Jesus. Ini kerana kesantunan terhadap penganut ajaran selain Islam tidak wajar dikaitkan dengan keyakinan penganut Kristian tetapi lebih kepada penghormatan atas atas kemanusiaan.<sup>12</sup>

Selain itu, pandangan Yusūf al-Qardāwī menyebut bahawa setiap etnik berhak merayakan hari kebesaran mereka selama mana tidak menyakiti etnik lain. Perihal yang sama dalam memberi ucapan tahniah kepada penganut agama lain yang merayakan hari kebesaran mereka. Tidaklah menjadi halangan bagi penganut Islam untuk mengucapkan tahniah kepada jiran dan warganegara yang menyambut perayaan mereka. Yusūf al-Qardāwī berteraskan kepada maksud firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 8 “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada individu yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi individu yang berlaku adil”. Apatah lagi kelazimannya mereka turut menyantuni dan mengucapkan tahniah sempena sambutan perayaan hari raya penganut Islam. Selanjutnya Yusūf al-Qardāwī menambah dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nisā’ ayat 86 yang bermaksud “Apabila kamu diberi penghormatan dengan suatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah ia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung akan tiap sesuatu”. Keharusan ini dilihat sebagai antara kebaikan akhlak penganut Islam dan sekaligus metode dakwah secara berhikmah. Perihal ini penting dalam menjaga hubungan antara umat beragama agar sentiasa dalam situasi harmoni dan bersatu padu. Pun begitu, umat Islam tidak boleh bersekongkol dalam upacara yang melibatkan

---

<sup>12</sup> Sila rujuk <http://www.islamonline.net/servletISatellite?cid=1122528609034&Pagename=IstamOnline>, dicapai 20 Julai 2020.

upacara keagamaan yang khusus untuk penganut bukan Muslim seperti sambutan perayaan keagamaan Kristian, Hindu, Buddha dan sebagainya<sup>13</sup> bahkan ucapan tahniah yang mengandungi elemen doa turut dilarang seperti ‘Moga Allah memberkati kamu dan keluarga kamu sempena sambutan perayaan ini’.

Tuntasnya, dua pandangan tersebut tidak menghalang ucapan tahniah kepada rakan bukan Muslim selagi tidak terlibat dengan perayaan keagamaan dan ia terhenti sekadar memberikan ucapan tahniah semata yang tidak mengandungi unsur pengiktirafan. Namun tetap bertegas menghalang dalam bab ikut serta meraikan perayaan yang disambut oleh penganut agama selain Islam kerana bertentangan dengan agama Islam.

Manakala pendapat yang melarang ikut serta sambutan perayaan bukan Muslim termasuk mengucapkan tahniah. Antaranya pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang menegaskan haram ucapan tahniah kepada penganut bukan Muslim dalam sambutan perayaan keagamaan mereka kerana bimbang ucapan tersebut jatuh kepada ungkapan meraikan dan merestui sambutan perayaan keagamaan mereka,<sup>14</sup> dan mengakibatkan akidah tercalar.

Pandangan beliau didukung kuat oleh Fatwa Lajnah Dā’imah yang menekankan larangan tersebut kerana dibimbangi mendorong individu Muslim kepada kekufturan dan dosa, sekalipun hanya ungkapan tahniah yang dibimbangi mengandungi unsur pengiktirafan dan mengagungkan perayaan bukan Muslim.<sup>15</sup>

Tegasnya, ulama yang melarang amat berhati-hati dalam menjaga akidah umat Islam dan bukan bermaksud tidak peka terhadap hubungan antara umat beragama. Sebaliknya sentiasa menegaskan pentingnya menjaga batasan interaksi khususnya yang melibatkan aspek akidah. Perihal ini selaras dengan ayat *lakum dīnukum wa liya dīn*.

Ayat tersebut menegaskan tidak wujud kompromi dalam bab berkaitan agama dan akidah. Setiap individu berhak melaksanakan

<sup>13</sup> Sila rujuk <http://www.islamonline.net/servledSatellite?cid=1122528615036&pagename=IslamOnline>, dicapai 20 Julai 2020.

<sup>14</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Āhkām Ahl al-Zimmah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 1:162.

<sup>15</sup> Ahmad bin ‘Abd al-Razzaq, *Fatāwā al-Lujnah al-Dā’imah li al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’* (Riyadh: Dār al-Mu’ayyad, t.t.), 3:436.

tuntutan dan falsafah agama masing-masing tanpa mengganggu-gugat hak individu lain. Juga tiada paksaan kepada individu lain untuk turut sama meraikan agama yang lain. Setiap perkara ada batas dan had. Sikap saling menghormati amat penting dalam situasi seumpama ini.

Justeru, amat penting setiap individu Muslim dan bukan Muslim memahami pengertian dan konsep sambutan perayaan masyarakat Malaysia sama ada berkaitan perayaan keagamaan atau perayaan berbentuk budaya semata bagi mengelakkan terjatuh dalam perkara kekuatan dan mengakibatkan dosa hanya kerana terdapat unsur *tashabhu* dalam meraikan perayaan penganut bukan Muslim.

### **Perbincangan Ayat *Hattā Tattabi‘ Millatahum***

Rentetan daripada larangan ikut serta sambutan perayaan bukan Muslim atas hujah yang dikemukakan, ayat al-Qur'an sekali lagi menegaskan bahawa masyarakat bukan Muslim khususnya Yahudi dan Nasrani sentiasa berusaha memastikan masyarakat Muslim mengikuti budaya dan corak pemikiran mereka dan terus gigih berusaha menyesatkan umat Muslim daripada terus berpegang dengan agama Islam. Firman Allah SWT:

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَّبَعَ مِلَّتَهُمْ.

Al-Baqarah 2: 120

Terjemahan: "Orang Yahudi dan Nasrani tidak akan reda kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka."

Pada ayat di atas, Allah SWT mengungkapkannya dengan istilah *millatahum*, tetapi ketika melarang, Allah SWT mengungkapkan dengan kata *ahwā'ahum* kerana masyarakat Nasrani dan Yahudi tidak akan senang kepada masyarakat Muslim sehingga mengikuti kepercayaan dan amalan agama mereka secara mutlak. Tegasnya, Allah SWT melarang keras hambaNya yang Muslim daripada mengikuti hawa nafsu keinginan mereka dengan menyerupai segala tingkah laku, praktikal dan agama mereka.

Ini bererti seandainya umat Muslim sengaja menuruti kehendak dan menyerupai segala bentuk amalan dan sikap bukan

Muslim; ia adalah terlarang bahkan ingkar kepada suruhan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bersabda:<sup>16</sup>

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ.

Hadith di atas menetapkan bahawa haramnya meniru bukan Muslim dan secara zahir menunjukkan bahawa perbuatan itu merupakan perbuatan kufur. Ia juga menjelaskan sesiapa yang menyerupai atau meniru orang fasiq atau bukan Muslim atau orang yang berbuat bidaah dalam perkara yang dikhususkan oleh mereka atau selainnya maka dia akan menjadi sebahagian daripada mereka walaupun tidak menyatakan secara terus terang dan walaupun tidak melahirkan rasa cinta.<sup>17</sup>

Lebih malang lagi, apabila seseorang itu mempunyai keyakinan yang sama seperti masyarakat bukan Muslim, bererti dia telah terkeluar daripada nikmat Islam dan iman. Namun jika seseorang itu tidak beriktikad seperti bukan Muslim, terdapat khilaf dalam kalangan para ulama. Pendapat pertama mengatakan mereka adalah bukan Muslim sama seperti zahir Hadith dan pendapat kedua menyatakan tidak jatuh sebagai kafir tapi perlu diberi pengajaran.<sup>18</sup>

‘Abd al-Muhsin al-‘Abbād turut memberi komentar serta huraihan mengenai Hadith berkenaan dengan menyatakan bahawa:

Hal ini merupakan celaan bagi sesiapa yang menyerupai *kuffār*, kerana penyerupaan pada zahir boleh membawa kepada kecenderungan pada aspek dalaman dan batin (iktikad) dan maksud penyerupaan tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan sesuatu yang menjadi keistimewaan mereka, dan sesuatu yang menjadi ciri-ciri (yang khusus) bagi mereka. Manakala dalam aspek perkara yang menjadi tuntutan dalam Islam seperti persiapan perang, dan perkara-perkara yang bermanfaat (seperti teknologi, ilmu pengetahuan dan lain-lain) maka perkara ini adalah sesuatu yang menjadi tuntutan. Jelas bahawa perkara yang diharamkan dan

<sup>16</sup> Abū Dāwūd Sulaymān al-Ash’ath al-Sajistānī, *Sunan Abī Dāwūd* ('Amman, Jordan: Bayt al-Afkār al-Duwāliyyah, t.t.), 441.

<sup>17</sup> ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Azīz al-Tuwayjirī, *al-Bida'* *al-Hawliyah*, (terj.) Munirul Abidin (Jakarta: Darul Falah, 2000), 118.

<sup>18</sup> Muhammad Ismā‘il, *Subul al- Salām Sharḥ Bulugh al-Marām* (Lubnan: Beirut, 2002), iv. 321.

terlarang adalah keadaan dalam urusan pakaian dan gaya (*trend*) atau apa sahaja yang membawa kepada hal tersebut.<sup>19</sup>

Berdasarkan perbincangan berkaitan penyerupaan mengikut agama di dalam Hadith tersebut, dapat dirumuskan bahawa penyerupaan yang dilarang dan yang mendatangkan implikasi ‘sehingga menjadi sebahagian daripada mereka’ adalah penyerupaan dalam bentuknya yang menyeluruh iaitu dari segenap aspek sifat luaran, fesyen, kepercayaan, amalan, perlakuan dan cara kehidupan. Manakala bagi penyerupaan yang tidak menyeluruh, implikasinya tidak seperti yang dinyatakan di dalam Hadith berkenaan iaitu digolongkan dalam kalangan masyarakat bukan Muslim atau kafir. Pun begitu, ia tidak terlepas daripada digolongkan sebagai berdosa dan masih dianggap sebagai sebuah kesalahan menurut perspektif ajaran agama dan adat resam. Ini kerana kesan minimum daripada Hadith tersebut adalah haram bagi perbuatan menyerupai masyarakat bukan Muslim walaupun secara zahirnya ia seakan menghukum kafir terhadap setiap perbuatan menyerupai orang kafir.

Kitab suci al-Qur'an telah mengungkapkan sikap bukan Muslim yang terlalu mengikut hawa nafsu dalam sesuatu perkara walaupun setelah diberikan ilmu dan didatangkan rasul sebagai pembimbing ke jalan kebenaran. Ini kerana, menurut hawa nafsu dengan menyerupai segala amalan dan perlakuan bukan Muslim dalam semua perkara hatta dalam ikut serta sambutan perayaan mereka tidak membawa kepada kebaikan.

### **Perbincangan *Tashabbuh***

Secara literalnya, perkataan *tashabbuh* berasal daripada bahasa Arab, akar katanya *sha-ba-ha*. Ia merujuk kepada penyerupaan kepada sesuatu, persamaan warna dan sifat.<sup>20</sup> Menurut *Mu'jam al-Mujīz*, perkataan *tashabbaha* bermaksud menyerupai antara sesuatu dengan yang lain sehingga mengelirukan.<sup>21</sup> Menurut Ibn Manzūr, suatu objek itu menyerupai atau menyamai dengan sesuatu yang lain.<sup>22</sup>

<sup>19</sup> 'Abd al-Muhsin al-'Abbād, *Sharḥ Sunan Abī Dāwūd* (t.tp.: t.p., t.t.), vi. 452

<sup>20</sup> Ahmad Fāris, *Mu'jam Maqāyis al-Lughah* (Beirut: Dār al-Jayl, 1411), iii. 243.

<sup>21</sup> *Al-Mu'jam al-Mujīz* (Mesir: al-Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 2002).

<sup>22</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Ihyā' al-Tur ath al-'Arabī , 1999), vii. 24.

Menurut istilah, seperti pandangan al-Ghāzī, *tashabbuh* adalah ungkapan yang menunjukkan usaha individu untuk menyerupakannya dengan sesuatu yang diinginkan dirinya serupa dengannya, yang meliputi tingkah laku, pakaian, atau sifat-sifatnya. Ini bererti *tashabbuh* adalah ungkapan tentang tingkah laku yang diinginkan dan dilakukannya.<sup>23</sup>

Menurut al-Munāwī pula, *tashabbuh* bermaksud berhias seperti mana golongan yang ingin diserupai berhias, berusaha mengenali dan memahami perbuatan mereka, berakhhlak dengan akhlak mereka, berjalan seperti mereka berjalan, menyerupai mereka dalam berpakaian dan sebahagian perbuatan mereka. Tegasnya *tashabbuh* tersebut bertepatan dari segi aspek zahir dan batin.<sup>24</sup>

Kedua-dua pentakrifan tersebut tidak banyak berbeza, tetapi menurut al-Luwayhiq, huraiyan al-Munāwī adalah tepat untuk menjelaskan *tashabbuh* yang dilarang saja. Manakala takrifan al-Ghāzī pula lebih mencakupi seluruh jenis *tashabbuh* sama ada yang terlarang mahupun yang tidak terlarang.

Menurut Ashraf bin ‘Abd al-Hāmid Barqa’an, *tashabbuh* adalah penyerupaan Muslim terhadap bukan Muslim pada sesuatu perkara yang tidak termasuk dalam kategori *maṣlahah* yang muktabar.<sup>25</sup> Keunikan yang terdapat dalam pemaknaan ini adalah pendekatan untuk mengeluarkan perkara-perkara yang merupakan *maṣlahah al-mu’tabarah* iaitu *maṣlahah* yang diiktiraf oleh nas-nas syarak daripada kategori *tashabbuh* yang dilarang atau diharamkan. Ini bertepatan dengan konsep *tashabbuh* pada perkara yang mendatangkan manfaat.

Ini bererti setiap perkara sama ada dari aspek ilmu pengetahuan, teknologi, kemahiran atau penemuan saintifik baharu yang bermanfaat dan merupakan *maṣlahah* yang diiktiraf oleh syarak mengenai kemanfaatannya, maka ia terkeluar daripada kategori *tashabbuh* yang dilarang walaupun ia berasal daripada bukan Muslim. Prinsip ini didasarkan peristiwa Rasulullah SAW

<sup>23</sup> Muhammad bin Muhammad al-Ghāzī, *Husn al-Tanabbi li ma Warada fī al-Tashabbuh* (t.t.p: t.p., t.t. Manuskip), 2.

<sup>24</sup> Muhammad ‘Abd al-Rā’uf al-Munāwī, *Fayd al-Qādir Sharḥ Jāmi’ al-Saghīr* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1408), 6.

<sup>25</sup> Ashraf bin ‘Abd al-Hāmid Barqa’an, *Mazāhir al-Tashabbuh fī al-‘Aṣr al-Hadīth wa Athāruhā ‘alā al-Muslimin* (t.t.p: t.p., t.t.), 17.

mengaplikasikan teknologi mengorek parit ketika perang Khandak dan idea tersebut berasal daripada amalan bukan Muslim di Parsi.<sup>26</sup>

Al-Luwayhiq merumuskan *al-tashabbuh* sebagai seseorang yang membebani diri untuk menyerupai selainnya meliputi sifat atau sebagainya. Perkataan “membebani diri” bermaksud berkeinginan dan sengaja. Pun begitu, perkara yang tidak sengaja, seperti serupanya seorang lelaki dengan wanita dalam tingkah-laku dan suara kerana tabiat yang tercipta secara asli tanpa adanya niat dan keinginan.<sup>27</sup>

Berbeza dengan seseorang Muslim menyerupai bukan Muslim dalam segala bentuk dan sifatnya, sama ada daripada sudut kepercayaan, amalan, kebudayaan atau tingkah laku yang disengajakan.<sup>28</sup> Perbuatan seumpama ini memperlihatkan wujudnya rasa cinta dan cenderung kepada bukan Muslim.<sup>29</sup>

*Tashabbuh* dalam sambutan perayaan yang meliputi aspek budaya dan syiar ini boleh dirujuk kepada penegasan Rasulullah SAW bahawa perayaan masyarakat Muslim berbeza daripada perayaan masyarakat Yahudi dan Nasrani. Ini kerana perayaan adalah syiar agama dan budaya sesebuah masyarakat. Rasulullah SAW melarang menyambut perayaan masyarakat bukan Muslim. *'Illat* pengharaman dan larangan menyertainya adalah penyerupaan (*tashabbuh*). Terdapat sebuah Hadith Nabi SAW yang secara khusus menyentuh mengenai perkara ini:

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa ketika Rasulullah SAW tiba di Madinah, penduduk Madinah mempunyai dua hari perayaan yang mereka raikan. Rasulullah SAW bersabda: “Dua perayaan apakah ini?” Mereka menjawab: kami meraikan keduanya sejak dari zaman jahiliah. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT telah mengantikan kamu dengan

---

<sup>26</sup> Abū Muḥammad ‘Abd al-Mālik Ibn Hishām Ibn Ayyūb al-Humayr, *Sīrah al-Nabāwiyah li al-Ibn Hishām* (Beirut: Dār al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabī, 1990), iv. 182.

<sup>27</sup> Jāmil Ḥabīb al-Luwayhiq, *al-Tashabbuh al-Manhi 'anhu fī al-Fiqh al-Islāmī* (Umm al-Qurā: Wizārah Ta'līm 'Alī, 1417), 20.

<sup>28</sup> Ṣāliḥ Fawzān, *'Aqīdah Tawhīd* (Riyadh: Dār al-Qāsim, t.t.), 185.

<sup>29</sup> Al-Tuwayjīrī, *al-Bida' al-Hawliyah*, 118.

dua perayaan baharu yang lebih baik daripada keduanya iaitu hari raya Adha dan hari raya Fitrah.”<sup>30</sup>

Hadith tersebut memperlihatkan bahawa Rasulullah SAW melarang tegas penyerupaan perayaan dengan masyarakat bukan Muslim. Seandainya Rasulullah SAW tidak menghalang, pastilah Baginda SAW tidak memberikan alternatif perayaan kepada masyarakat Muslim.

Tegasnya, masyarakat Muslim dilarang tegas menyambut perayaan masyarakat bukan Muslim kerana ia adalah syiar dan budaya mereka. ‘Illat larangan dan pengharaman adalah *tashabbuh*. Apakah lagi ia berkait langsung dengan akidah, syiar dan budaya. Selain pengharaman yang berkaitan dengan upacara berbentuk keagamaan, ‘illat pengharaman lain adalah wujudnya unsur-unsur maksiat seperti dihidangkan minuman keras, dipersembahkan nyanyian yang melalaikan dan pergaulan bebas di antara lelaki dengan perempuan.

Walau bagaimanapun, amalan ini diharuskan sekiranya ‘illat pengharaman atau larangan tersebut dapat dilakukan. Keadaan ini bersesuaian dengan kaedah dalam Usul Fiqh; “Sesungguhnya hukum berlegar pada kewujudan dan ketiadaan ‘illat bukannya hikmah.”

Kaedah ini memperlihatkan bahawa syariat Islam sangat berhikmah dan bijak dalam menangani isu-isu berkaitan dengan agama lain. Ini kerana Islam adalah agama yang menjadi rahmat ke seluruh alam dan mempunyai batasan tertentu yang wajar dipatuhi dan dihormati oleh umat manusia. Ini bererti aspek *tashabbuh* merangkumi segala aspek kehidupan yang wajar diperhalusi apabila melibatkan hubungan sosial antara Muslim dan bukan Muslim khususnya dalam aspek sambutan perayaan *Thai Pongal*.

Bagaimana pun, terdapat kategori *tasyabuh* yang dibenarkan oleh syarak. Ini merujuk kepada huraian ‘Abd al-Muhsin al-‘Abbād terhadap Hadith yang disebutkan iaitu beliau menyentuh mengenai *tasyabuh* yang dibenarkan dalam pandangannya, iaitu:

Adapun perkara-perkara yang menjadi tuntutan dalam Islam seperti persiapan perang, dan memberi perhatian dalam

<sup>30</sup> Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith: 1134. Lihat *Musnad Ahmad*, no. hadith: 12025.

perkara-perkara yang bermanfaat maka perkara ini adalah sesuatu yang menjadi tuntutan.<sup>31</sup>

*Tashabbuh* seumpama ini tidak berkaitan dengan aspek akidah, ibadat, syiar dan budaya. Ia lebih kepada aspek pendidikan dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

### **Prinsip Hubungan Sosial**

Struktur hubungan antara umat beragama di Malaysia berbeza dengan negara lain dan lebih kompleks. Pun begitu, prinsip hubungan sosial yang diperlakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat tetap unggul. Namun memerlukan pengubahsuaian sewajarnya selaras dengan perkembangan dan pembangunan masyarakat dan negara kini.

Pada dasarnya, prinsip hubungan Muslim dengan bukan Muslim dalam konteks semasa di Malaysia berbeza dengan negara lain. Ini kerana hubungan yang terbentuk adalah berdasarkan kontrak sosial dan jaminan perlembagaan yang telah wujud khususnya pasca kemerdekaan.<sup>32</sup> Selain itu, prinsip-prinsip lain yang boleh diterapkan adalah:

1. Mematuhi dan menghormati prinsip kebebasan beragama yang mana tiada paksaan dalam agama<sup>33</sup> dan persetujuan untuk berbeza dalam agama.<sup>34</sup> Namun, wajar ditegaskan bahawa perkongsian nikmat iman dan Islam adalah kewajipan setiap Muslim. Dakwah secara berhikmah amat perlu untuk memastikan hubungan antara umat beragama terjalin teguh.

2. Mengelak gejala buruk yang ditegah oleh semua agama dan etika kemanusiaan sejagat seperti ekstremisme, cauvinisme dan fanatisisme.<sup>35</sup>

3. Sentiasa berdialog dan berinteraksi dengan pengamal agama dan budaya lain secara hikmah dan harmoni.

---

<sup>31</sup> Al-‘Abbād, *Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*.

<sup>32</sup> Sila rujuk Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail, Ahmad Badri Abdullah, Mohd Aizat Jamaluddin, “Fenomena al-Tasyabuh (Penyerupaan) dalam Sambutan Perayaan Masyarakat MAJMUK Malaysia,” *Jurnal Syariah* 21, bil. 1, (2013), 21-42.

<sup>33</sup> Surah al-Baqarah 2: 256

<sup>34</sup> Surah al-Kāfirūn 109: 3-6.

<sup>35</sup> Khairunnas Rajab & Fikri Mahmud, “Keganasan: Tela’ah Terhadap Konsep Jihad fi Sabilillah”, *Jurnal Syariah* 18, bil. 3 (2010), 603-628.

4. Mengelakkan cemuhan budaya serta agama lain dan mengelakkan perdebatan berkenaan doktrin-doktrin keagamaan.

5. Perlu bertasamuh antara penganut agama untuk mengelak sebarang konflik. Tasamuh dalam pergaulan dengan golongan bukan Muslim bukanlah bertasamuh dalam masalah keagamaan, tetapi wujud sikap saling menghormati dalam kalangan penganut beragama dan prihatin dalam masalah kemasyarakatan atau kepentingan umum. Sikap tasamuh Islam harus lebih menyeluruh sehingga dapat mengetepikan sensitiviti keagamaan dalam menghormati kebebasan beragama dan cara hidup dalam pergaulan.<sup>36</sup> Sekali lagi kebijaksanaan bersosial dan berdakwah amat perlu.

6. Memelihara kerukunan di antara penganut agama bukan bererti merelatifkan agama-agama yang ada dengan melebur kepada satu kesatuan (sinkretisme agama) melainkan untuk tujuan mempertemukan, mengatur hubungan luar antara individu berlainan agama dalam proses sosial kemasyarakatan.<sup>37</sup>

7. Mensosialisasikan semangat ajaran al-Qur'an dalam berhubungan dengan golongan bukan Muslim, di antaranya keadilan yang menyeluruh dalam semua keadaan, menunaikan janji, kontrak dan persetujuan, dan menjamin perlindungan kepada orang bukan Muslim.<sup>38</sup>

Selain daripada itu, untuk memastikan bahawa masyarakat Muslim memahami perihal berkaitan sambutan perayaan agama masyarakat bukan Muslim, pihak berwajib khususnya institusi agama telah mengemukakan garis panduan masyarakat Muslim merayakan hari kebesaran bukan Muslim yang mengambil kira aspek akidah, syariat, akhlak dan budaya yang boleh dirujuk dalam laman sesawang pihak Majlis Agama Islam setiap negeri.

## **Penutup**

Islam melarang tegas perbuatan turut sama dalam acara agama lain dan *tashabuh* dalam aspek akidah, ibadah, amalan, sosio budaya, syiar dan kepercayaan masyarakat bukan Muslim. Walaupun Islam turut menyantuni masyarakat bukan Muslim dan memahami

---

<sup>36</sup> Surah al-Mumtahanah 60: 8-9.

<sup>37</sup> Sahibi Naim, *Kerukunan Antara Umat Beragama* (Jakarta: PT. Gunung Agung, 1983), 60.

<sup>38</sup> Surah al-Tawbah 9: 6.

kepentingan hubungan antara umat beragama demi kelestarian keharmonian, namun wajar berlangsung selaras dengan prinsip Islam. Setiap masyarakat etnik yang berbeza agama wajar saling menghormati amalan masing-masing selaras dengan prinsip *lakum dīnukum wa liya dīn* dalam batasan yang dibenarkan dan tidak mengganggu gugat keharmonian dan perpaduan yang sedia terjalin.

Tuntasnya, umat Muslim perlu memiliki elemen *al-tamayyuz* (perbezaan) yang menjadi jati diri dalam membezakan Muslim dan bukan Muslim. Justeru, gabungan antara *al-ta’āruf* dan *al-tasāmuḥ* dan hanya menghasilkan *al-tashabhuḥ* wajib dihindari, manakala gabungan antara *al-ta’āruf* dan *al-tasāmuḥ* yang menghasilkan *al-tamayyuz* wajar dikekalkan oleh umat Muslim dalam hubungan antara umat beragama dalam konteks Malaysia agar kekal selaras dengan syariat Islam.

Berasaskan perbincangan tersebut, amat jelas bahawa budaya sambutan perayaan *Thai Pongal* menyerupai perbuatan dan amalan masyarakat penganut ajaran Hindu yang menjadikan *pongal* sebagai mekanisme yang menghubungkan mereka dengan spiritual dan keyakinan beragama, bertuhan dan penghormatan dalam bentuk pemujaan dan pengagungan kepada sosok tubuh tertentu seperti yang dilantunkan dalam keyakinan ajaran Hindu terhadap para dewa dan dewi yang telah diangkat sebagai tuhan.

Perbincangan tersebut jelas memperlihatkan kewajaran berhati-hati dalam interaksi antara umat beragama dalam aspek yang melibatkan bab akidah, sosial dan budaya yang perlu diperhalusi agar tidak membawa kepada perkara yang boleh mencalar dan menggugat kejernihan akidah, akhlak dan syariat Islam. Islam agama yang syumul dan telah mempunyai kaedah yang lebih berhikmah dan tinggi, kaya serta mulia nilai peradabannya. Justeru, kewajaran untuk ikut serta perbuatan masyarakat bukan Muslim adalah tidak absah.

Akhirnya, amat penting menyedarkan pemikiran yang sedemikian agar masyarakat tidak keliru dengan persekitaran. Kita tidak nafikan pentingnya jalinan hubungan antara agama yang harmoni dalam kalangan umat Muslim-bukan Muslim, namun kita wajar lebih tegas menjelaskan kedudukan agama Islam di Malaysia sebagai agama Persekutuan yang mendominasi segala bentuk prinsip hubungan antara umat beragama selaras dengan prinsip ajaran Islam.

## Rujukan

- ‘Abd al-Razzaq, Ahmād bin. *Fatāwā al-Lujnah al-Dā’imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’*. Riyadh: Dār al-Mu’ayyad, t.t.
- Al-‘Abbād, ‘Abd al-Muhsin. Sharḥ Sunan Abī Dāwūd. T.tp.: t.p., t.t.
- Al-Ghāzī, Muḥammad bin Muḥammad. *Husn al-Tanabbih li ma Warada fī al-Tasyabbuh*. T.tp: t.p., t.t. Manuskrip.
- Al-Jawziyah, Ibn Qayyim. *Ahkām Ahl al-Zimmah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Luwayhiq, Jāmil Ḥabīb. *Al-Tashabbuh al-Manhi ‘anhu fī al-Fiqh al-Islāmī*. Umm al-Qurā: Wizārah Ta‘līm ‘Alī, 1417.
- Al-Mu’jam al-Mujīz*. Mesir: al-Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah, 2002.
- Al-Munāwī, Muḥammad ‘Abd al-Rā’uf. *Fayd al-Qādir Sharḥ Jāmi’ al-Saghīr*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1408.
- Al-Sajistānī, Abū Dāwūd Sulaymān al-Ash’ath. *Sunan Abī Dāwūd*. ‘Amman, Jordan: Bayt al-Afkār al-Duwāliyyah, t.t.
- Al-Tuwayjīrī, ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Azīz. *Al-Bida’ al-Hawliyah* (terj.) Munirul Abidin (Jakarta: Darul Falah, 2000), 118.
- Barqa’ān, Ashraf bin ‘Abd al-Hāmid. *Mazāhir al-Tashabbuh fī al-‘Aṣr al-Hadīh wa Athāruhā ‘alā al-Muslimin*. T.tp: t.p., t.t.
- Fāris, Ahmād. *Mu’jam Maqāyis al-Lughah*. Beirut: Dār al-Jayl, 1411.
- Fawzān, Ṣāliḥ. *Aqīdah Tawhīd*. Riyadh: Dār al-Qāsim, t.t.
- Ibn Ayyūb al-Humayr, Abū Muḥammad ‘Abd al-Mālik Ibn Hishām. *Sīrah al-Nabāwiyyah li al-Ibn Hishām*. Beirut: Dār al-Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1990.
- Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1999.
- Ismā‘īl, Muḥammad. *Subul al- Salām Sharḥ Bulugh al-Marām*. Lubnan: Beirut, 2002.
- Khairunnas Rajab dan Fikri Mahmud. “Keganasan: Tela’ah Terhadap Konsep Jihad fi Sabilillah”, *Jurnal Syariah* 18, Bil. 3 (2010), 603-628.
- M. Rajentheran dan S. Manimaran. *Perayaan Orang India*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1994.
- Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail, Ahmad Badri Abdullah dan Mohd Aizat Jamaluddin. “Fenomena al-Tasyabbuh

- (Penyerupaan) dalam Sambutan Perayaan Masyarakat MAJMUK Malaysia,” *Jurnal Syariah* 21, bil. 1, (2013), 21-42.
- Sahibi Naim. *Kerukunan Antara Umat Beragama*. Jakarta: PT. Gunung Agung, 1983.
- Siti Rahmah Idris dan Fatimah Az-Zahra. *Orang India*. Petaling Jaya: Penerbit Pinang, 1996.
- Von Der Mehden, Fred R. “Malaysia: Islam and Multi Ethnic Politics”, dalam *Islam in Asia: Religion, Politics and Society*, ed. John L. Esposito. New York : Oxford University Press, 1987.

### **Laman sesawang**

Sila rujuk <http://www.islamonline.net/servletISatellite?cid=1122528609034&Pagename=lstamOnline>, dicapai 20 Julai 2020.

Sila rujuk <http://www.islamonline.net/servledSatellite?cid=1122528615036&pagename=IslamOnline>, dicapai 20 Julai 2020.

### **Temu bual**

Lakshmi (pesara guru, di Seksyen 7, Shah Alam), dalam temu bual dengan penulis, 19 Julai 2020.

Mr X dan Mrs X (ahli perniagaan berjaya dalam bidang cari gali, di Seksyen 7, Shah Alam), dalam temu bual dengan penulis, 18 Julai 2020.

Mr Y (Pensyarah Kanan di Kolej Universiti tempatan), dalam temu bual dengan penulis melalui aplikasi google meet, 19 Julai 2020.

Mr. Balakrishnan (Brahmin, Kuil Sri Srinivasa, Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 2019.